



30 Julai 2015
30 July 2015
P.U (A) 172

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2015

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY/
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2015**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memotong takrif “promosi harga”.

Pindaan peraturan 8A

3. Peraturan 8A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap pengilang atau pengimport hasil tembakau hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah mengenai harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau dan permohonan itu hendaklah juga dibuat pada tiap-tiap kali berlakunya perubahan kepada harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau.”;

(b) dengan memotong subperaturan (2);

- (c) dengan menggantikan subperaturan (2A) dengan subperaturan yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subperaturan (1), tiap-tiap pengilang atau pengimport hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah mengenai harga jualan runcit yang disebut dalam subperaturan (1) dalam masa tujuh hari dari tarikh berlakunya pengenaan atau perubahan kepada cukai eksais atau apa-apa cukai lain ke atas suatu hasil tembakau dan permohonan itu hendaklah juga dibuat pada tiap-tiap kali berlakunya pengenaan atau perubahan kepada cukai eksais atau apa-apa cukai lain.”;

- (d) dalam subperaturan (2B)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “products” dengan perkataan “product”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “cukai jualan” dengan perkataan “apa-apa cukai lain”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “terdekat” perkataan “tertakluk kepada kelulusan Pengarah terlebih dahulu”;

- (e) dengan memotong subperaturan (2C);

- (f) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “subperaturan (1) atau (2)” dengan perkataan “subperaturan (1) atau (2A)”;

- (g) dalam subperaturan (5A), dengan menggantikan perkataan “Tiada” dengan perkataan “Tertakluk kepada subperaturan 8C(2), tiada”;

- (h) dengan memasukkan selepas subperaturan (5A) subperaturan yang berikut:

“(5B) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau tanpa mempamerkan label harga jualan runcit yang diluluskan oleh Pengarah dengan jelas pada setiap paket rokok dan karton.”; dan

- (i) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “pengilang atau pengimport” dengan perkataan “orang”.

Pemotongan peraturan 8B

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 8B.

Pindaan peraturan 8C

5. Peraturan 8C Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa rokok di bawah harga minimum:

- (a) sembilan ringgit (RM9.00) bagi setiap paket rokok dua puluh batang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2015 hingga 31 Julai 2016; dan
- (b) sepuluh ringgit (RM10.00) bagi setiap paket rokok dua puluh batang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2016.”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subperaturan (1)—

(a) mana-mana paket rokok dua puluh batang dengan harga jualan runcit diluluskan kurang daripada harga minimum yang dinyatakan dalam subperaturan (1), hendaklah dijual dengan harga minimum jualan runcit itu; dan

(b) mana-mana paket rokok dua puluh batang dengan harga jualan runcit diluluskan sama dengan atau lebih daripada harga minimum yang dinyatakan dalam subperaturan (1), hendaklah dijual dengan harga jualan runcit yang diluluskan itu.”; dan

(c) dengan memotong subperaturan (3).

Pemotongan peraturan 8D dan 8E

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 8D dan 8E.

Peraturan baru 10A

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Larangan menjual hasil tembakau secara dalam talian

10A. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau secara dalam talian.